

09 JAN 2001

Adnan-Sekolah

BANTUAN PENDIDIKAN SEHARUSNYA UNTUK MEREKA YANG BERSYUKUR

KUANTAN, 9 Jan (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob meminta Kementerian Pendidikan menilai kembali bantuan dan sekolah yang dipilih untuk menerima bantuan pendidikan.

Beliau berkata bantuan pendidikan yang disalurkan menerusi Kementerian Pendidikan seharusnya diberikan kepada sekolah-sekolah yang para pentadbirnya mensyukuri nikmat Allah.

"Bagi sekolah-sekolah yang mensyukuri nikmat, kita lipatgandakan bantuan. Bukan sekolah-sekolah yang mencaci pemimpin dan menggigit tangan orang yang memberi nikmat," katanya kepada pemberita selepas majlis penyampaian cek bantuan Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) di sini hari ini.

Beliau berkata kerajaan tidak berhasrat untuk menganaktirikan mana-mana pihak tetapi tiada gunanya memberi bantuan sekiranya pentadbiran sekolah itu menyemai bibit-bibit membenci kerajaan dan pemimpin negara.

Adnan kecewa apabila mendapati hampir keseluruhan 31 sekolah yang disenaraikan untuk menerima cek bantuan KHB itu merupakan sekolah-sekolah yang dikuasai oleh parti pembangkang dan merasuk fahaman membenci kerajaan.

Berikutan kekecewaan itu, beliau enggan menyerahkan cek berkenaan yang kesemuanya berjumlah RM305,400 kepada para pengetua terbabit sebaliknya meminta wakil dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) Abdullah Mat berbuat demikian.

Adnan berkata beliau tidak tahu di mana silapnya sehingga sekolah-sekolah yang digunakan untuk menanam rasa benci kepada pemimpin terutama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terpilih untuk menerima bantuan itu.

"Senarai ini bukannya disiapkan oleh Jabatan Agama Islam Pahang tetapi diperolehi Jakim daripada Bahagian Pendidikan Agama dan Moral Kementerian Pendidikan," kata beliau.

Dalam perkembangan lain, Adnan berkata beliau tidak terkejut dengan keputusan Parti Keadilan Nasional (Keadilan) menolak pelawaan Umno untuk duduk semeja bagi membincangkan penyatuan orang Melayu.

"Kita tunggu keputusan Majlis Tertinggi Umno tetapi saya rasa adanya mereka tidak menambah dan tiadanya mereka pun tidak akan mengurangkan kerana sekarang ini mereka hanya ada lima kerusi Parlimen sahaja tidak seperti Pas yang mempunyai 27 kerusi," kata beliau.

-- BERNAMA

ROS FAZ